

Malam Serumpun Seni Pamer Budaya Nusantara

Pusat Budaya dan Seni -PBS

Tue 10/10/2017 10:46 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

10 OKTOBER 2017, SELASA | 20 MUHARAM 1439H



HEP: Program Malam Serumpun Seni Malaysia-Indonesia anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) yang berlangsung sempena UUM Cultural Festival VI 2017 pada 9 Oktober baru-baru ini bertempat di Dataran Budaya merupakan medan mempamerkan seni dan budaya Malaysia dan Indonesia.

Program yang berkonsepkan malam budaya nusantara itu berjaya menghimpunkan pelbagai khazanah seni dan budaya.

Antara yang menarik pada malam itu, persembahan tarian daripada Kumpulan Bidasari, persembahan nyanyian lagu Irama Malaysia dan persembahan Tarian 1Malaysia dari Inapan Siswa (INASIS) Grantt dan TNB.

Sementara itu, Universitas Sebelas Maret (UNS), Solo, Indonesia telah mempersembahkan muzik gamelan yang bertajuk Gadhon Gatra, Gatdon Kalatidha dan Tarian Bambang Cakil.

Pengarah PBS, Huzaidy Hussain, berkata program seperti ini dapat menerapkan dan memperkasakan semangat cintakan budaya dan ia menjadi landasan terbaik bagi mengenengahkan kebudayaan serta kesenian tempatan untuk dihayati oleh masyarakat luar.

Menurutnya lagi, program ini juga boleh dijadikan sebagai pentas untuk menyatukan semua pihak menerusi pelbagai persembahan yang mempamerkan keunikan budaya masing-masing tanpa mengira latar belakang agama, keturunan, kepercayaan dan batasan yang boleh menghalang interaksi antara satu sama lain.

"Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa terhadap kebudayaan dan kesenian serantau dan seterusnya berperanan sebagai sumber pendidikan ke arah membentuk masyarakat berbudaya khususnya generasi muda", katanya lagi.

"Bukan hanya untuk keseronokan semata-mata tetapi apa yang paling penting sebagai mahasiswa yang terlibat saya merasakan program seperti ini secara tidak langsung dapat menanamkan semangat jati diri dan cintakan seni warisan negara." ujarnya.

"Program ini bukan sahaja bertujuan memperkenalkan seni semata-mata, pastinya turut berperanan untuk merapatkan hubungan antara rakyat Malaysia dan Indonesia", tambahnya lagi.

"Program ini juga dilihat mampu merapatkan jalinan seni dan budaya kedua-dua masyarakat serumpun sekali gus membuka mata masyarakat bahawa seni itu sebenarnya bukan milik negara sebaliknya adalah milik bangsa", jelasnya.

"Perjuangan mengeratkan hubungan dua negara yang semurnya ialah menerusi pemupukan seni dan budaya yang seterusnya akan mengingatkan kembali rakyat bahawa kedua-dua negara adalah serumpun", kata Huzaidy mengakhiri perbualan.

Turut hadir malam itu ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin, Dekan SCIMPA Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin dan Pengerusi Majlis Pengetua INASIS Dr. Faizal Md. Hanafiah.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.